

# JELAJAH SABAH UPSI-UMS

Disediakan oleh Alif Hafiz

Pada 21-24 November 2009, seramai 15 orang pelajar SPPS bersama-sama dengan 10 orang pelajar dari Universiti Perguruan Sultan Idris yang mengikuti program pertukaran pelajar UPSI-UMS telah mengikuti lawatan di beberapa tempat menarik di sekitar Sabah. Program "Jelajah Sabah" ini telah dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa/I Sekolah Pendidikan dan Pembangunan sosial (pGURU). Kesemua delegasi lawatan ini telah dibawa ke tiga tempat menarik di sekitar Sabah antaranya Taman Negara Kinabalu (Ranau) Pusat Perlindungan Orang Utan Sepilok

(Sandakan) dan Tawau Hill Park (Tawau). Penganjuran lawatan ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim diantara pelajar SPPS, UMS dengan Pelajar Pertukaran dari UPSI selain memberi peluang kepada mereka untuk menjelajah ke beberapa tempat menarik di Sabah. Hal ini turut diperakui oleh sdr. Sanjay Narayanan, pelajar UPSI yang juga peserta lawatan ini. Keindahan dan keunikan alam semulajadi yang dimiliki negeri Sabah serta keramahan penduduknya telah memikat hati mereka untuk berkunjung kembali. Menurut beliau lagi, program pertukaran pelajar di antara

UPSI dengan SPPS, UMS telah banyak mengubah persepsi dan menambah pengalaman mereka terutamanya dalam bidang pendidikan di kedua-dua buah universiti. Untuk pengetahuan umum, program pertukaran pelajar UPSI-UMS ini telah melibatkan pelajar dari UPSI untuk menjalani pengajian mereka selama 1 semester di SPPS. Mereka terdiri daripada program Sejarah, Geografi, TESL, dan Ekonomi. Dikesempatan ini ucapan terima kasih kepada keluarga Haslizah binti Kasdi diatas kesudian menerima rombongan lawatan ini semasa di Tawau.

